

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Puan Hajah Fuziah binti Salleh**  
**[ Kuantan ]**  
**TARIKH : 8.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) sama ada benar atau tidak bahawa tertera di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) satu panduan yang menyebut bahawa waktu bekerja guru ialah selama 10 jam sehari; dan
- (b) sekiranya para guru dikehendaki bekerja lebih dari 10 jam sehari adakah itu merupakan waktu yang patut dibayar gaji lebih masa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 tidak mengeluarkan sebarang panduan menetapkan waktu bekerja guru selama 10 jam sehari. PPPM hanya menjelaskan bahawa berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh Kementerian, jumlah masa yang digunakan di bilik darjah (tidak termasuk masa untuk penyediaan pengajaran) secara purata adalah antara 2.4 hingga 2.9 jam sehari.

- b) Berdasarkan Perintah Am Bab G, pegawai yang layak mendapat Bayaran Lebih Masa adalah mereka yang terdiri daripada kumpulan sokongan dan dipanjangkan juga kepada kumpulan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) yang melaksanakan tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran serta menikmati cuti rehat tahunan.

Corak kerja lebih masa adalah meliputi semua jenis tugas seperti perkhidmatan kaunter, pemprosesan, penyeliaan dan pengawasan tertakluk kepada arahan Ketua Jabatan dan syarat kerja seperti berikut:

- i. kerja kecemasan;
- ii. kerja mustahak dan tidak boleh ditangguhkan;
- iii. kerja melebihi daripada bidang tugas biasanya; dan
- iv. kerja-kerja yang perlu diuruskan dalam jangka masa terhad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru-guru yang mengajar tidak layak menerima Bayaran Lebih Masa kerana tempoh waktu bekerja tidak mengikut waktu pejabat, seperti yang termaktub dalam Perintah Am tersebut.

Rjm

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAPAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN YAAKUB  
[ MACHANG ]**

**TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)**

**SOALAN : 15**

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub[ Machang ]mintaMENTERI  
PENGANGKUTANmenyatakan:**

- (a) apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kes jenayah yang melibatkan kenderaan curi atau kenderaan yang menggunakan nombor plat palsu; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian untuk memperkenalkan standard nombor plat kenderaan yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang dapat mengurangkan insiden kes jenayah melibatkan pemalsuan nombor pendaftaran.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pengangkutan telah menguatkuasakan peraturan *United Nations Economic Commission for Europe (UNECE) R97* dan *R116* sebagai langkah untuk menangani kes jenayah yang melibatkan kecurian kenderaan. Melalui peraturan-peraturan ini, semua kenderaan model baharu kategori M1 iaitu kenderaan yang boleh membawa tidak lebih dari 8 penumpang, yang dikeluarkan selepas 7 April 2010 diwajibkan memasang alat Sistem Amaran Kenderaan (*Vehicle Alarm System*) dan alat Pencegahan Dari Penggunaan Yang Tidak Dibenarkan (PDPYTD) atau *immobiliser*. Penguatkuasaan pemasangan alat PDPYTD juga turut diperluaskan kepada semua kenderaan model baru kategori N1 iaitu kenderaan yang digunakan untuk membawa barang-barang dan mempunyai berat maksimum tidak melebihi 3.5 tan, bermula 1 Januari 2012.

Selain daripada penguatkuasaan peraturan UNECE, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengambil beberapa inisiatif lain bagi membantu pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) membanteras jenayah kecurian kenderaan. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) membekalkan maklumat kenderaan jika diperlukan oleh PDRM;

- (ii) membuat sekatan transaksi terhadap kenderaan-kenderaan curi berdasarkan maklumat dan permohonan daripada pihak PDRM;
- (iii) menjalankan operasi penguatkuasaan melalui sekatan jalan raya bagi mengesan kenderaan-kenderaan curi. Kenderaan-kenderaan curi akan ditahan/disita dan kemudiannya diserahkan kepada pihak PDRM untuk tindakan selanjutnya.

JPJ juga menetapkan salah satu daripada tugas rutin harian anggota penguatkuasa iaitu pemeriksaan nombor pendaftaran kenderaan. Untuk sepanjang tahun 2013, sebanyak 214 kes pemalsuan nombor pendaftaran kenderaan telah dikesan di seluruh negara.

Tuan Yang Dipertua,

Standard bagi nombor plat kenderaan adalah terkandung dalam Jadual Ketiga dan Jadual Ketujuh, Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pendaftaran & Pelesenan) 1959. Jadual tersebut menetapkan spesifikasi saiz, susunan huruf & angka, jarak susunan dan reka bentuk nombor pendaftaran bagi sesebuah kenderaan motor.

Kesalahan pemalsuan nombor pendaftaran merupakan kesalahan yang tidak boleh dikompau di mana kadar denda minimum ditetapkan pada kadar RM5,000 dan denda maksimum sebanyak RM20,000. Tempoh hukuman penjara pula tidak kurang 1 tahun dan tidak melebihi 5 tahun.